



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|--------------|---|--------------------|------------|---|----|
| SURAT KHABAR | : | BH | | | |
| TARIKH | : | 21/9/2021 (SELASA) | MUKA SURAT | : | 22 |
| JABATAN | : | KeTSA/JPSM | | | |

Sidang Dewan Rakyat

BH, 21 Sept
2021_22

'Tiada pembalakan di kawasan Jerai'

Fenomena kepala air baru-baru ini bukan berpunca daripada aktiviti teroka hutan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Walaupun mempunyai kuota melakukan pembalakan bagi tujuan hasil, aktiviti itu tidak dijalankan di kawasan Jerai, lokasi fenomena kepala air baru-baru ini, yang berada dalam Hutan Simpan Kekal (HSK) Ulu Muda di Kedah dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata tanah seluas 25,000 hektar diluluskan bagi tujuan usaha hasil pembalakan bagi tempoh 2014 hingga 2019, namun kawasan itu tidak diganggu dengan aktiviti pembalakan sejak tiga tahun lalu.

"Jerai diisytihar kawasan Geopark Kebangsaan pada 2018, ma-

ka aktiviti pembalakan semanganya tidak dijalankan di kawasan itu. Mengenai kejadian kepala air itu, saya lihat pokok yang dibawa oleh kepala air turun sekali dengan akarnya dan ini menunjukkan tiada pembalakan di kawasan Jerai.

"Ini yang kita sebut takdir Allah," katanya menjawab soalan tambahan Sabri Aziz (PAS-Jerai) di Dewan Rakyat, semalam sebelum Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-Port Dickson) bangun dan meminta Takiyuddin tidak menyalahkan takdir apabila ber-

"Saya lihat pokok yang dibawa oleh kepala air turun sekali dengan akarnya dan ini menunjukkan tiada pembalakan di kawasan Jerai"



Takiyuddin Hassan,
Menteri Tenaga dan Sumber Asli

laku masalah berkaitan alam sekitar kerana ia turut berpunca daripada manusia.

Menjawab soalan tambahan Anwar mengenai aktiviti pembalakan yang berterusan, beliau berkata, tiada pelanggaran terhadap catuan tebang tahunan (CTT) hutan yang boleh diusahakan pernah direkodkan di seluruh negara dalam tempoh 2019 dan 2020.

"Seluas 39,354 hektar CTT diluluskan tahun lalu namun hanya 22,931 hektar diusahakan. Pada 2019, seluas 43,299 hektar CTT diluluskan namun hanya 10,949 hektar diusahakan. Ia menunjukkan kerajaan serius dalam memastikan keputusan dibuat dipatuhi oleh setiap negeri," katanya.

Beliau menegaskan, kementerian memandang serius isu pembalakan haram dan kesalahan hutan lain dalam HSK dan sehingga 31 Ogos lalu, sebanyak 76 kes pembalakan haram di seluruh negara dikenakan tindakan dengan 29 kes dikesan di Semenanjung, tiga di Sabah dan 44 di Sarawak.

"Selain pembalakan haram, sebanyak 274 kesalahan lain di HSK turut diambil tindakan di seluruh negara," katanya.